

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 31 RABU 2HB. OGOS, 1972. 1392 رابو 21 جمادي الاخير PERCHUMA



D.Y.M.M. sedang melapadkan titah di-Istiadat Mengadap dan menyembahkan ucapan keshukoran sempena puja usia Baginda yang ke-26 di-Daerah Tutong.

Baginda dan kerajaan akan terus berusaha pada memajukan semua daerah

TUTONG. — D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Sir Muda Hassanah Bolikah Mu'izzaddin Waddaulah ketika bertitah di-Tutong telah menekankan kegemilangan Baginda kerana dapat melihat bakti2 kemajuan di-daerah itu.

Dari atas pentas Diraja yang khas di-bena kerana istiadat mengadap dan menyembahkan ucapan keshukoran sempena sambutan Hari Keputeraan Baginda bagi Daerah itu yang di-adakan di-Padang Kechil Bukit Bendera pada hari Rabu lepas, Baginda bertitah:

“Beta sungguh gembira dapat melihat bakti2 kemajuan yang telah di-chapai dalam daerah ini terutama sekali dalam bidang pelajaran dalam mana beberapa buah sekolah yang moden dan lengkap telah dapat di-bena”.

Menurut Baginda bahawa kemajuan tersebut ada-lah bagi menunaikan hasrat Baginda supaya raayat Baginda akan dapat menikmati kemudahan2 pelajaran untuk membolehkan mereka menuntut satinggi2 pelajaran yang berpadanan dengan kebolehan masing2.

Kemudahan2 itu, titah Baginda, akan membawa ka-araf taraf hidup yang lebih tinggi (Lihat muka 8)

BAGINDA AKAN TERUS MEMPERHATI KEMAJUAN DAERAH

PEKAN BANGAR, TEMBURONG. — D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah bertitah bahawa Baginda sentiasa mengikut dan akan terus memperhatikan kemajuan2 yang di-adakan di-daerah2 dalam negeri ini.

Baginda bertitah bahawa sa-memangnya menjadi hasrat Baginda supaya Kerajaan Baginda akan lebih giat bagi memperbaiki taraf hidup semua raayat dan penduduk di-seluruh pelusok tanah ayer.

Titah demikian telah di-lapadkan Baginda di-Istiadat Perbarisan Kehormatan Puja Usia Baginda yang ke-26 yang di-adakan di-Padang Sekolah Melayu Sultan Hassan, Pekan Bangar, Temburong pada hari Sabtu lepas.

Di-segi pentadbiran daerah di-mana jua yang berkehendakkan supaya di-perbaiki dan di-permodenkan lagi bagi mendatangkan kesan yang lebih memuaskan, Baginda bertitah bahawa tindakan yang berseesuaian akan di-ambil bagi kebajikan semua daerah dalam Negeri Brunei Darussalam ini.

Dalam pada itu, titah Baginda, semua raayat baik di-bandar mahupun di-pendalaman mesti-lah berhati2 pada memberikan kerjasama kepada Kerajaan Baginda termasuk pasokan2 keselamatan dan pasokan Pulis dalam usaha Kerajaan Baginda untuk menjamin keselamatan dan keamanan.

Baginda juga mengucapkan terima kasih kepada semua raayat dan penduduk Temburong atas perayaan2 hari puja usia Baginda yang di-adakan di-daerah itu.



D.Y.M.M. memeriksa barisan pasukan AMDB di-upacara perbarisan hari keputeraan Baginda di-Pekan Bangar.

KERAJAAN BENAR2 BERJAYA DALAM SA-GENAP BIDANG

TUTONG. — Raayat dan penduduk Daerah Tutong telah merafakkan sembah ta'at setia yang tidak berbelah bahagi dan penuh dengan rasa cinta dan kasih sayang yang ikhlas lagi mendalam terhadap D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan, Kerajaan Baginda dan Negeri Brunei Darussalam.

Sembah ikrah ta'at setia itu telah di-sembahkan oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Dato Paduka Othman bin Pengiran Anak Md. Salleh di-istiadat mengadap dan menyembahkan ucapan selamat dan keshukoran yang di-adakan di-Padang Kechil Bukit Bendera pada petang hari Rabu lepas.

Di-padang itu telah di-dirikan sa-buah pentas Diraja yang khas untuk istiadat tersebut dan telah di-hadiri oleh para jemputan khas termasuk Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey; D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan; Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M.; Y.A.B. Pemangku Menteri Besar; Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir; Y.T.M. Seri Paduka Duli2 Wazir; Y.A.M. Cheteria2, Pengiran2, Pehin2 dan ketua2 kaum serta puak di-daerah itu.

Pengiran Dato Paduka Othman saterus-nya menyembahkan bahawa raayat dan penduduk di-daerah itu telah menyedari bahawa Kerajaan yang di-pimpin oleh Baginda telah benar2 berjaya dalam sa-genap bidang bagi faedah perkembangan negara, khas-nya di-Daerah Tutong.

“Patek2 sekalian perchaya, terchapai-nya kejayaan yang tersebut tadi ada-lah di-atas kebijaksanaan Duli Tuan Patek yang mempunyai kesedaran berfikir dan memberi kebebasan berfikir kepada raayat Duli Tuan Patek”, sembah beliau. Ini, sembah Pengiran Dato Paduka Othman lagi, amat-lah sesuai dalam zaman perkembangan sains dan teknologi dalam usaha Kerajaan Baginda meningkatkan taraf kehidupan raayat Baginda.

Pengiran Dato Paduka Othman juga telah menyebarkan kemajuan2 yang di-chapai dalam ran-

PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN AKAN MERASMIKAN TEMASHA JUBLEE EMAS SEK. CHUNG HWA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin akan merasmikan Upacara Pembukaan Temasha Jubilee Emas dan memperingati 10 tahun

bangunan kekal Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan.

Upacara itu akan di-adakan di-sekolah tersebut pada hari Khamis esok, 3hb. Ogos pada jam 8.30 pagi.

(Lihat muka 8)

D. Y. M. M. BERANGKAT KA-PEKAN TUTONG

TUTONG. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat berchemar duli ka-Pekan Tutong pada petang hari Rabu lepas kerana sambutan hari keputeraan Baginda yang ke-26 yang di-adakan di-daerah itu.

Pada pukul 3.00 petang hari itu, Baginda telah berangkat ka-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim kerana Upachara Perbarisan Puja Usia Baginda.

Di-upachara itu, Baginda telah memeriksa perbarisan kehormatan yang terdiri dari pasukan Pulis Diraja Brunei, pasukan Panji2 Pulis Diraja, pasukan Kadet S.M.M. Muda Hashim, pasukan Bomba, Pengakap, Pandu Puteri dan Palang Merah.

Dalam upachara di-Tutong itu, Baginda telah memakai pakaian Inspektar General Pulis Diraja Brunei.

Baginda telah di-beri penghormatan khas apabila pasukan2 yang mengambil bahagian yang di-dahului oleh pasukan Pulis Diraja Brunei berjalan lalu di-hadapan pentas Diraja dengan iringan permainan pencharagam Pulis Diraja.

Tembakan tanda gembira termasuk 21 das tembakan meriam telah di-lepaskan yang kemudiannya di-ikuti dengan tiga kali sorak "Daulat Tuanku" dari semua pasukan2 perbarisan yang mengambil bahagian di-upachara itu.

Perbarisan di-Pekan Tutong itu telah di-jalankan di-bawah perintah ASP. Mohammad bin Md. Yusof.

Turut hadir upachara perbarisan itu ialah Tuan Yang Terutama Pesurojaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M., Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir, Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pg. Dipa Negara, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Y.A.M. Cheteria2, ahli2 Yang Berhormat, Pengiran2, Pehin2 dan Ketua2 Jabatan.

Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei, Pegawai Pemerintah Pasokan Ke-6 Q.E.O. Gurkha Rifles dan Pesurojaya Pulis Diraja Brunei telah juga hadir di-upachara perbarisan itu.

Sa-lepas dari upachara perbarisan di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim itu, Baginda dan rombongan berangkat pula ka-Padang Kechil Bukit Bendera untuk Istiadat Mengadap dan Menyembahkan uchap selamat dan keshukoran dari rakyat Baginda di-Daerah itu.

Di-istiadat itu, Baginda telah mengikuti sembah ucapan selamat dan keshukoran dari penduduk2 Daerah Tutong yang di-sembahkan oleh Pegawai Daerah Tutong Pengiran Dato Paduka Othman bin Pengiran Anak Md. Salleh yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi sambutan hari keputeraan Baginda di-daerah itu.

Baginda juga telah menerima Surat Uchapan Selamat dan Keshukoran dari penduduk2 Daerah Tutong yang juga di-sembahkan oleh Pegawai Daerah Tutong.

Dalam istiadat itu, Baginda telah juga menyampaikan titah (Lihat muka 1).

Do'a Selamat telah di-bacakan di istiadat itu boleh Y.D.M. Pehin Datu Seri Maharaja, Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Sa-waktu jamuan ringan di-edarkan, Baginda bersama2 dengan tetamu2 kehormat dan jempuan2 khas telah menyaksikan persembahan tari2an dari penun-

tut2 Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Sekolah Ingeris Tutong dan Sekolah Chung Hwa, Pekan Tutong.

D.Y.M.M. sedang memeriksa barisan Pulis Diraja Brunei di-Upachara Perbarisan Hari Keputeraan Baginda di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada hari Rabu lepas.



Gambar atas: Tuan Yang Terutama Pesurojaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey sedang menyampaikan piala kepada Pmk. Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Dato Matnor MacAfee yang mewakili pasukan ketua2 jabatan.

BANGUNAN Jabatan Pemulehan Negara di-Jalan Residency telah berjaya memenangi tempat pertama dalam peraduan berchuchol bahagian bangunan sempena sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-26 tahun dalam bulan lepas.

Gambar bawah menunjukkan Pegawai Pemulehan Negara, Awg. L.J. Brown (di-tengah2) bergambar dengan kaki tangan jabatannya serta perisai dan piala kemenangan mereka.



PASOKAN ketua2 jabatan yang di-ketuai oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan (gambar atas) telah menjadi johan dalam perlawanan terek tali yang di-adakan baru2 ini.

Tiga buah pasukan ia-itu Pasokan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir dan Yang Amat Mulia Cheteria2, pasukan Yang Di-Muliakan Pehin2 Menteri, dan pasukan ketua2 jabatan telah mengambil bahagian dalam perlawanan itu.

Perlawanan tersebut ia-lah salah satu acara bagi menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-26.

JOHAN TIGA TAHUN BERTURUT2

KAMPONG ANGGEREK DESA.

Pasokan Persatuan Renang Amateur Brunei Bahagian 'A' telah berjaya mempertahankan kejohanan mereka sa-lama tiga tahun berturut2 dalam perlumbaan bernang berganti2 sa-lama 24 jam.

Perlumbaan yang di-adakan di-Kolam Bernang di-Kampung Anggerek Desa pada hari Sabtu lepas itu ada-lah sa-bahagian dari acara sambutan hari keputeraan D.Y.M.M. yang ke-26 tahun.

Tempat kedua telah di-menangi oleh pasukan Askar Melayu Diraja Brunei dan pemenang ketiga ia-lah pasukan ke-enam Queen's Own Gurkha Rifles.

Pasokan Pusat Latchan Pulis Diraja Brunei dan Persatuan Renang Amateur Brunei Bahagian 'B', masing2 mendapat tempat ke-empat dan kelima.

Lumba perahu

LUMBA perahu telah di-adakan di-Sungai Belait dan di-Sungai Tutong pada hari Ahad lepas.

Perlumbaan2 tersebut ada-lah sa-bahagian dari acara perayaan sambutan hari keputeraan D.Y.M.M. yang ke-26 tahun di-daerah2 itu.

Sa-banyak 16 acara termasuk 5 acara bagi lumba motor sangkut telah di-pertandingkan di-Daerah Belait sementara di-Daerah Tutong sa-banyak 14 acara lumba perahu, motor sangkut dan dua perlumbaan bagi rakit.

Pertandingan Quran di-Daerah Temburong

TEMBURONG. — Pertandingan membaca kitab suci Al-Quran orang2 dewasa bagi peringkat Daerah Temburong akan di-adakan pada 25hb. Ogos, 1972 bertempat di-dewan Mesjid Utama Mohd. Salleh.

Keputusan ini telah di-am-bil oleh jawatankuasa yang telah di-bentuk baru2 ini.

Pertandingan tersebut adalah bagi memilih wakil Daerah Temburong ka-pertandingan peringkat negeri yang akan di-adakan di-Bandar Seri Begawan.

Terdahulu sa-belum itu satu pertandingan pemilihan akan di-adakan.

Jawatankuasa itu di-pengerusi-kan oleh Kadzi Daerah Temburong, Awang Salam bin Abdul Razak sementara setia usanya ialah Awang Salleh bin Hidup.

Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdullah bin Haji Ja'afar telah di-lantek menjadi Penaong dan Penaschat.



Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Haji Mohammad bin Pengiran Abdul Rahman Piut ketika bersabda sa-jurus sa-belum merasmikan pembukaan Pertandingan Membaca Quran dan Sarahan Sekolah2 UGAMA Seluruh Negeri yang telah di-adakan di-Lagoon

SA-TIAP pekerjaan ada-lah merupakan badan jiwa-nya ada-lah ikhlas. Ketiadaan ikhlas berarti ketiadaan jiwa dan berarti ketiadaan hidup, sedang ketiadaan hidup berarti mati. Ikhlas arti-nya bersih suci daripada dosa dalam perkataan dan perbuatan. Ikhlas itu-lah yang sa-benar-nya meruah yang mendesak kita tidak pernah membedakan pekerjaan sama ada waktu sulit atau terang, sama ada pekerjaan kita itu ada orang melihat dan memuji atau tidak, sama ada pekerjaan kita itu di-hargai atau pun tidak.

Pekerjaan yang besar, perniagaan, perusahaan, pentadbiran dan sa-bagai-nya tetap menerima kerugian dan kerosakkan kalau ikhlas dan bersih hati telah bertukar ganti dengan kotor dan busuk hati orang2 yang di-serahkan tugas dan kewajipan. Sebab orang yang demikian berbedza tindakan-nya sa-waktu di-lihat orang dengan tidak di-lihat orang. Berkisar pendirian-nya bila usaha-nya di-puji orang dengan tidak di-puji orang. Dzahir-nya berlawanan dengan bathin-nya. Di-luar-nya manis di-dalam-nya pahit. Orang yang seperti ini ada masa naik-nya pada

IKHLAS ADA-LAH MERUAH



KHUTBAH JUMA'AT

mula-nya tetapi ada pula masa jatoh-nya pada akhir-nya.

Ketiadaan ikhlas mengurangkan kepercayaan orang kepada kita dan kita pun tiperchaya kepada orang lain sebab kita mengukor orang lain itu menurut keburokan bathin kita.

Manusia yang menunjak2kan diri sa-olah2 serba boleh dalam segala2-nya dan boleh melakukan sa-suatu yang pada hakikat-nya ia tidak boleh ada-lah menunjakkan ketiadaan ikhlas. Orang yang ikhlas tidak mahu menghapus yang benar dan mengelirukan fahaman orang lain. Ia mengaku boleh kalau boleh dan tidak kalau tidak. Ia tahu bahawa pengakuan dusta kesudahan-nya pun dusta.

Sebab tidak ikhlas-lah orang jadi pendengki dan dengki ada-lah penyakit merbahaya bagi peribadi. Orang yang hasat melihat kemajuan dan kenaikan orang lain belum akan merasa senang sa-belum dia berlaku churang.

Melakukan sa-suatu dengan ikhlas ada-lah amat dituntut oleh UGAMA Islam, kerana itu sa-barang amal dan ibadat tidak akan di-terima Allah jika tidak di-sertai dengan ikhlas. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud:

"Imam itu ada-lah seperti manusia yang belum berpakaian, maka yang akan jadi perhiasan-nya ada-lah sifat pemalu sedangkan yang akan jadi roh-nya ada-lah ikhlas".

Imam Al-Ghazali pernah berkata:

"Manusia ini semua-nya ada-lah orang mati, kechuali yang maseh hidup ada-lah orang yang berilmu, tetapi umum-nya orang yang berilmu itu sedang tertidor kechuali yang bangun ada-lah orang yang beramal, tetapi orang yang beramal ini selalu tergoda atau terpaday oleh godaan dunia kechuali yang tidak hanya-lah orang yang ikhlas. Tetapi ingat-lah bahawa ikhlas ini berada dalam keadaan yang sulit ibarat telur di-hujung tandok".

Sa-suatu amal atau pekerjaan yang di-kerjakan dengan ikhlas ujud-nya akan kukuh dan meskipun amal atau pekerjaan itu terpaksa juga

"Manusia yang menunjak2kan diri sa-olah2 serba boleh dalam segala2-nya, tapi tiada berkebolehan, pada hakikat-nya ada-lah menunjakkan ketiadaan ikhlas".

tumbang di-landa zaman, tetapi kesan-nya tetap akan kekal abadi kerana itu-lah Rasulullah s.a.w. telah berpesan sa-bagaimana sabda Baginda yang bermaksud:

"Andai kata sa-seorang beramal dalam sa-buah batu hitam yang gelap gelita yang tidak mempunyai pintu atau lobang akan keluar-lah 'amal menurut sifat-nya waktu memulainya 'amal itu".

Adapun yang di-maksudkan oleh Nabi dengan sifat waktu memulainya 'amal itu ialah niat. Niat itu letak-nya dalam hati dan bagaimana pun mulut manusia mengatakan akan keikhlasan-nya namun yang di-lihat Tohan ada-lah dasar niat yang ada di-dalam hati itu. Sebalik-nya mulut tidak berkata, tapi kalau niat mereka salah, maka yang di-nilai Tohan ada-lah niat itu juga. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah tidak-lah melihat atau menilai bentuk tuboh badan kamu dan tidak pula dari segi kechanteakan paras dan rupa kamu tetapi Allah melihat dan menilai dari segi hati2 kamu (niat kamu)".

Oleh yang demikian ada-lah di-serukan supaya tuan2 melakukan sa-barang 'amal ibadat dan pekerjaan dengan ikhlas sa-mata2 kerana Allah, supaya segala 'amal ibadat dan pekerjaan kita itu akan di-terima oleh Allah dan di-kurniakan ganjaran pahala dengan sa-baik2nya dan supaya membolehkan perjalanan segala amal dan pekerjaan itu akan mendatangkan hasil dan faedah yang berkebakjikan.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 2hb. Julai 1972 hingga ka-hari Selasa 8hb. Ogos, 1972 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
2hb. Ogos	12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16
3hb. Ogos	12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16
4hb. Ogos	12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16
5hb. Ogos	12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16
6hb. Ogos	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16
7hb. Ogos	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16
8hb. Ogos	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

PELITA BRUNEI

(2hb. Ogos, 1972).

TEMBURONG BERKEMBANG

DAERAH Temburong yang pada satu ketika dulu pernah di-sifatkan sa-bagai daerah yang tebal dengan hutan rimba dan pernah mengalami peristiwa yang buruk serta di-isiharkan sa-bagai kawasan hitam yang terlama sekali dalam kejadian tahun 1962, pada masa ini sama sekali bertukar wajah — dari wajah yang muram kepada yang berseri2 dan sentiasa dengan kegembiraan.

Kalau 10 tahun yang silam, tidak ramai orang yang suka berkunjung ka-sana sama ada kerana tugas mahu pun kunjungan persendirian. Ini mungkin disebabkan daerah itu jauh terpencil, ketidak-chukupan alat2 perhubungan atau pun disebabkan keadaan-nya yang tidak menarik bagi kumpulan2 yang mencari hiburan dan ketenangan jiwa dalam hantuk-nya yang di-katakan moden. Tetapi, dengan keadaan-nya yang demikian itu tidak pula berarti yang daerah itu tidak di-sukai, bahkan bagi kumpulan atau orang2 yang suka kepada keadaan yang tenang dan jauh dari serba keriohan, maka daerah itu akan menjadi pilihan utama.

Keadaan-nya sekarang sudah jauh berubah berikutan dengan projek2 perkembangan yang di-adakan oleh berganti dan menjadikan-nya kini sa-bagai sa-buah pekan yang molek dan indah, lebeh2 lagi di-kawasan Pekan Bangar yang baru, yang du'u-nya hutan yang tebal, tetapi masa ini di-penuhi dengan bangunan2 yang penting.

Perubahan besar ini tidak hanya berlaku di-sekitar tempat-nya sahaja, tetapi juga mempengaruhi kepada penduduk2-nya yang kini sudah ramai bilangan-nya yang mening-galkan alam primitif mereka. Sikap mereka sa-bagai rakyat yang mahukan pembangunan dan kemajuan dalam serba lapangan ada-lah jelas di-lihat apabila mereka turut sama melibatkan diri pada memajukan rancangan2 perkembangan di-daerah itu.

Ini semakin meyakinkan lagi bilamana Pegawai Daerah itu menyebarkan kepada Baginda Sultan bahawa rakyat Baginda di-situ telah menikmati faedah2 dari projek2 perkembangan seperti jalan2 raya, perbekalan ayer, listrik, kesihatan, pelajaran serta projek2 keagamaan dan sibilik.


Perkara ini juga menambahkan keyakinan Pegawai Daerah itu bahawa rakyat Baginda di-daerah itu, tidak mempunyai sa-barang sebab kenapa mereka tidak dapat menjalankan usaha2 yang lebeh berkesan berdasarkan kepada kemudahan2 yang besar yang sudah di-adakan di-situ.

Ini berarti bahawa penduduk2 Temburong akan terus menerus menunjukkan kemampuan mereka dalam segala bidang yang di-perlukan untuk pembangunan-nya. Dengan sikap rakyat Baginda di-daerah itu, maka tidak hairan jika Temburong tidak lagi merupakan Pekan, tetapi sa-buah bandar yang molek dalam jangka 10 tahun yang akan datang atau waktu2 yang berikut-nya.



Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Dato Paduka Othman bin Pengiran Anak Mohd. Salleh sedang menyebarkan surat ucapan selamat dan keshukoran dari penduduk2 daerah itu kepada Duli Yang Maha Mulia bersempena hari keputeraan Baginda yang ke-26 tahun.

Duli Yang Maha Mulia serta pembesar2 negara kelihatan menadah tangan mengaminkan do'a yang di-bacakan oleh Y.D.M. Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz sa-telah selesai Istiadat Mengadap dan Menyebarkan Uchapan Selamat dan Keshukoran yang berlangsung di-pentas khas di-padang kecil Bukit Bendera.



Duli Yang Maha Mulia dengan di-iringi oleh Pemerintah Perbarisan, ASP Mohammad bin Md. Yusof ketika memeriksa barisan Pulis Diraja Brunei di-upacara perbarisan hari keputeraan Baginda di-Daerah Tutong pada hari Rabu lepas.



Kenaikan berhias yang di-punyai oleh Jabatan Kerja Raya Tutong yang telah mendapat hadiah pertama dalam perarakan kenaikan di-ayer yang telah di-adakan di-Sungai Tutong sa-bagai sa-bahagian dari acara sambutan hari keputeraan D.Y.M.M. di-daerah itu.

DI-SEKITAR SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN D. Y. M. M. DI-DAERAH TUTONG



Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Dato Paduka Othman bin Pengiran Anak Mohd. Salleh sedang berucap di-upacara pembukaan rasmi perayaan sa-lama sa-minggu di-Daerah itu.



Duli Yang Maha Mulia dengan di-iringi oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Dato Paduka Othman bin Pengiran Anak Mohd. Salleh ketika berangkat ka-pentas khas untuk upacara perbarisan kehormatan sempena hari keputeraan baginda di-Daerah Tutong.



Duli Yang Maha Mulia dengan berpakaian Inspektor General Polis Diraja Brunei ketika membalas tabek kehormatan dari atas pentas khas di-upacara perbarisan kerana sambutan hari keputeraan Baginda di-Daerah Tutong yang berlangsung di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim pada hari Rabu lepas.

Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Dato Paduka Othman bin Pengiran Anak Mohd. Salleh sa-bagai mewakili rakyat dan penduduk Daerah Tutong ketika menyebarkan ucapan selamat dan keshukoran di-Istiadat Mengadap sempena hari keputeraan D.Y.-M.M. yang ke-26 tahun.

Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Dato Paduka Othman bin Pengiran Anak Mohd. Salleh sedang menyampaikan piala kepada wakil Persatuan Lubok Pulau, Awang Mohammad bin Gemok yang telah berjaya mendapat tempat pertama dalam perarakan kenaikan berhias dalam bahagian persatuan2 belia.

Duli Yang Maha Mulia ketika memeriksa barisan Pandu Puteri yang menyertai perbarisan kehormatan hari keputeraan baginda di-Daerah Tutong.



Penuntut2 Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim kelihatan mempersembahkan tarian yang di-bernama 'Bunga Tanjung' di-hadapan pentas di-mana D.Y.M.M. beserta tetamu2 kehormat dan jemputan2 khas ketika menikmati jamuan ringan sa-telah Istiadat Mengadap dan Menyebarkan Uchapan Selamat dan Keshukoran.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang berjawatan tetap untuk di-lantek sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas II. Pemohon2 bagi jawatan tersebut mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 5 tahun perkhidmatan sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas I atau Kerani Bahagian 'A' Lantekan Khas.

Sa-seorang pegawai hendak-lah menghantarkan permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dengan menyatakan tugas2 yang di-buat oleh pegawai itu dan kesesuaiannya untuk di-naikkan pangkat, serta satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-buat dalam borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada pejabat ini dan mesti-lah disampaikan kepada Pegawai Perjawatan tidak lewat daripada 15hb. Ogos, 1972. Permohonan2 yang di-terima sa-sudah tarikh tersebut tidak akan di-pertimbangkan.

Di-Jabatan Hal Ehwal Ugama

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei:

1. PENSARAH UGAMA (1 jawatan)

Kelayakan2:

- Umur di-antara 18 hingga 30 tahun;
- Mesti-lah sekurang2-nya Sijil Pelajaran Malaysia dan mempunyai Sijil Darjah VI Ugama; atau
- Guru2 Ugama Terlatih yang telah berkhidmat sekurang2-nya dalam 5 tahun boleh juga di-pertimbangkan. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang pernah menghadhiri kursus Pegawai2 dan Guru2 Ugama.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3 EB 4 — \$410x20-510/EB/540x20-660.

2. PENOLONG SETIA USAHA ZAKAT DAN FITRAH (3 jawatan)

Kelayakan2:

- Mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran, termasuk lulus dalam mata-pelajaran Ilmu Hisab, dan Darjah VI Ugama.

Chalu2 mesti-lah berumur di-antara 18 hingga 40 tahun dan bersedia untuk berkhidmat di-mana2 daerah di-dalam negeri.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — \$230x10-290x15-380-410 x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

3. PENGAWAS MESJID TINGKATAN II (1 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur

Sa-bagai Pemereksa Buroh dan Pen. Pemereksa Buroh

Pemohon2 hendak-lah sebaik2-layakan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Buroh, Brunei.

1. PEMEREKSA BUROH:

Kelayakan2:

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berke-nya berumur tidak kurang dari 21 tahun dan tidak lebih dari 35 tahun dan mesti-lah sama ada:-

- telah berkhidmat sa-lama 5 tahun sa-lepas di-tetapkan dalam jawatan Penolong Pemereksa Buroh; atau
- telah tamat dengan mendapat kejayaan dalam sesuatu kursus pendidikan tinggi yang tempoh-nya tidak kurang dari 2 tahun yang melayakan dia memasoki peperiksaan bagi mendapatkan ijazah 'am, diploma, atau kelayakan yang sa-banding dalam jurusan undang2 economics industrial relations atau pun salah satu mata pelajaran social science daripada Universiti2 Singapura atau Malaysia atau lain2 badan pengajian tinggi yang diiktiraf atau sesuatu badan iktisas; atau
- mempunyai Sijil Pelajaran tinggi dengan mendapat kelulusan dalam mata pelajaran Inggeris atau telah mencapai taraf pelajaran yang sa-banding dan telah berkhidmat sa-lama tiga tahun sa-telah di-tetapkan dalam sesuatu jawatan Division III dalam Perkhidmatan Kerajaan; atau
- memperolehi Sijil Pelajaran Malaysia dengan mendapat kelulusan dalam mata pelajaran

bahasa Inggeris atau telah mencapai taraf pelajaran yang sa-banding dan telah menamatkan sama ada:-

- Lima tahun perkhidmatan sa-telah di-tetapkan dalam sesuatu jawatan dalam Division III dalam Perkhidmatan Kerajaan; atau
- Tujuh tahun perkhidmatan sa-telah di-tetapkan dalam sesuatu jawatan Division IV dalam Perkhidmatan Kerajaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C 2 — \$710x30-950.

2. PENOLONG PEMEREKSA BUROH:

Kelayakan2:

Pemohon2 hendak-lah sebaik2-nya berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebih dari 30 tahun dan mesti-lah sama ada:-

- mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Inggeris, atau pun telah mencapai taraf pelajaran yang sa-banding; atau
- mempunyai Sijil Rendah dengan mendapat kelulusan dalam mata pelajaran bahasa Inggeris atau pun telah mencapai taraf pelajaran yang sa-banding, dan telah menamatkan sama ada:-
 - Empat tahun perkhidmatan sa-telah di-tetapkan dalam sesuatu jawatan dalam Division IV dalam Perkhidmatan Kerajaan; atau
 - Enam tahun perkhidmatan sa-telah di-tetapkan dalam sesuatu jawatan dalam Division V dalam Perkhidmatan Kerajaan; atau
 - Sembilan tahun perkhidmatan dalam sesuatu jabatan perusahaan yang berkaitan dengan perhubungan industri atau pengu-urusan personnel.

Semua chalu2 hendak-lah fasah dalam bahasa Melayu dan, jika bahasa China, boleh bertutor sekurang2-nya dua logat bahasa China.

Tugas2:

Memeriksa tempat2 pekerjaan, menguatkuasakan undang2 mengenai keselamatan pekerja, perhubungan2 industri, pendaftaran kesatuan2 sa-kerja dan lain2 perkara yang menjadi tanggung-jawab Jabatan Buroh; menerima aduan2 dan menialankan penyiasatan, menyalahkan, jika perlu, menda'wa kesalahan2; menyelenggara pejabat pertukaran buroh dan perkhidmatan menyediakan pekerja2; mendamaikan pertikaian2 perusahaan; mengumpul statistik pekerjaan, gaji, pendapatan dan masa kerja; dan pada keseluruhan-nya melaksanakan tugas2 executive dalam semua bahagian Jabatan Buroh.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 1-2-3 EB 4 — \$230x10-290 x 15-380-410 x 20-510/EB/540 x 20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-bagai Talipon Operator

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Talipon Operator di-Jabatan Ukur, Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah orang2 perempuan berumur antara 17 dan 25 tahun.
- Mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah VIII Sekolah Melayu atau Tingkatan I Inggeris dan Darjah IV Melayu.

- Keutamaan akan di-beri kepada orang2 yang boleh berbahasa Melayu dan Inggeris.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 1-2-3 EB 4 — \$180 x 5-195-240/EB/245 x 5-260.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 20hb. Ogos, 1972.

Sharat2 Lantekan:

Chalu2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama tiga tahun termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Bagi chalu2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalu2 yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 9hb. Ogos, 1972.

Sa-bagai Imam, Bilal, Merbut

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari raayat DYMM Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

a) IMAM (1 jawatan) — Bagi Mesjid Senaut, Tutong.

b) BILAL (1 jawatan) — Bagi Mesjid Keriam, Tutong.

c) MERBUT (2 jawatan) — Bagi Mesjid Mohd. Jamalul Alam Kuala Belait.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid2 yang berkenaan.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun
- Mesti-lah mahir dalam membaca Al-Quran dan mengetahui rukun2 Ugama Islam.
- Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Keparah bila2 masa di-kehendaki.
- Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji ada-lah seperti berikut:-

Jawatan IMAM — U.4 — \$280 x10-390-410x10-560.

Jawatan BILAL — U.2 — \$220 x10-390 410x10-430.

Jawatan MERBUT — U.1 — \$190x5-230-240x10-270.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 21hb. Ogos, 1972.

Jawatan2 Kosong

Sa-bagai Pelawat Kesihatan Batok Kering

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Pelawat Kesihatan Batok Kering di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Biasa-nya kelayakan yang di-perlukan untuk jawatan ini ia-lah S.R.N. walau bagaimanapun chalu2 yang tidak mempunyai kelayakan tersebut tetapi mempunyai pengalaman luas bekerja dengan Rancangan Penghapusan T.B. boleh juga di-pertimbangkan. Kebolehan menjalankan tugas2 Pelawat Kesihatan dengan berkesan merupakan satu faktor yang penting.

Tugas2:

Tugas2 jawatan ini termasuklah tuberculin testing, chungkil B.C.G. dan contact surveys. Melawat ka-

rumah2 pesakit2 dengan chara jalan darat atau sungai.

Gaji:

Dalam sukatan gaji BW. 1 — \$1090-1140x40-1300. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyerahkan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendaklah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 24hb. Ogos, 1972.

Sa-bagai Penterjemah

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Penterjemah di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Pelajaran Malaysia dengan mendapat kepujian dalam bahasa Melayu dan Inggeris atau kelayakan yang sa-banding dengannya;
- Boleh menterjemah dari bahasa Melayu/Inggeris dan Inggeris/ Melayu; dan
- Berpengalaman dalam kerja2 perterjemahan sekurang2-nya

sa-lama tiga tahun.

Mereka yang tidak mempunyai kelayakan dan pengalaman yang tersebut di-atas tidak perlu memohon.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 3 EB 4 — \$410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendaklah di-kembalikan bersama2 salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada-nya tidak lewat dari 24hb. Ogos, 1972.

Sa-bagai Amah

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk dilantik sa-bagai Amah di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Chalu2 mesti-lah berumur diantara 18 hingga 40 tahun dan boleh bertutur dalam bahasa Melayu. Mereka hendaklah sebaik2-nya mempunyai pengalaman sa-bagai Amah Rumah Sakit.

Tugas2:

Chalu2 yang terpilih akan ditempatkan di-Rumah2 Sakit Kera-

jaan, Gedong2 Ubat, Klinik2 Kesihatan dan Asrama2 Jururawat.

Pemohon2 mesti-lah bersedia untuk bertugas siang atau malam dan bekerja di-mana2 daerah di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 2-3 EB 4 — \$200x5-215-240/EB/245x5-260.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendaklah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 21hb. Ogos, 1972.

Kg. Burong Pingai Ayer munchul sa-bagai johan tarek tali

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Kampong Burong Pingai Ayer telah munchul sa-bagai johan tarek tali sa-telah mengalahkan Pasokan Pulis Diraja Brunei dalam perlawanan akhir yang telah berlangsung di-padang besar Bandar Seri Begawan pada hari Selasa lepas.

Dalam satu perlawanan lain, Jabatan Kerja Raya telah mengalahkan Dewan Bahasa dan Pustaka 'B' bagi tempat yang ketiga dan ke-empat.

Kampong Burong Pingai Ayer juga akan mewakili Daerah Brunei-Muara dalam perlawanan akhir seluruh negeri yang akan di-adakan di-padang besar Bandar Seri Begawan pada 6hb. Ogos mulai pukul 3.00 petang.

Pada hari itu perlawanan tarek tali juga akan di-adakan di-antara pasokan2 Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, ketua2 jabatan, Yang Di-Muliakan Pehin2, ke-

bagi piala rebutan yang di-dermakan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkihah.

Pemenang dalam perlawanan akhir seluruh negeri akan menerima Oscar rebutan yang di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Sementara itu tiga belas buah pasokan akan mengambil bahagian dalam perlawanan tarek tali perempuan dalam bulan ini.

Pasokan2 itu ada-lah dari persatuan2 belia, jabatan2 kerajaan dan sekolah2.

Perlawanan pertama akan di-adakan pada 4hb. Ogos mulai pukul 4.00 petang di-padang besar Bandar Seri Begawan.

Sepak raga

TUTONG. — Kesatuan Angkatan Muda Mudi, rengkasnya KAMUDI, Kiudang Tutong akan menganjorkan satu perlawanan sepak raga sa-bagai sa-bahagian dari acara perayaan sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-26.

Perlawanan itu terbuka kepada persatuan2 belia, kelab2 sekolah2, jabatan2 kerajaan dan kampong2 di-Daerah Tutong sahaja dan di-bahagian kepada kumpulan 'A' dan 'B'.

Tiap2 persatuan, kelab, sekolah, jabatan dan kampong boleh menghantar dua pasokan dalam mana2 satu kumpulan.

Bayaran masuk bagi tiap2 pasokan ia-lah \$7.00 dan \$13.00 bagi dua buah pasokan.

Borang2 untuk menyertai perlawanan itu boleh di-dapati dari Awang Mohammad Taib bin Jaludin, Kampong Kiudang, Tutong; Awang Razali bin Ali di-alamatkan Balai Bomba Tutong atau Awang Ramlil bin Haji Hassan di-Pejabat Bandaran Tutong.

Borang2 itu hendaklah di-kembalikan tidak lewat dari 10hb. Ogos.

Bola sepak

TUTONG. — Persatuan Melayu Keriam (PESAKA) Tutong akan menganjorkan perlawanan bola sepak sa-chara knock-out bagi Daerah Tutong sahaja yang akan di-mulakan pada penghujung bulan Ogos ini.

Perlawanan ini ada-lah sa-bagai projek tahunan persatuan bersempena dengan sambutan puja usia Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ke-26 tahun bagi Daerah Tutong.

Perlawanan terbuka kepada Persatuan2 Belia/Kebajikan, Jabatan2 dan Sekolah2 di-Daerah Tutong sahaja.

Borang2 untuk memasoki perlawanan boleh di-dapati dari Awang Mohd. Alidin bin Kura, d/a Kampong Keriam, Tutong dan Che'gu Halim bin Umar, d/a Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong.

Borang2 yang telah di-isikan berserta dengan wang pendaftaran sa-banyak \$10.00 hendaklah di-hantar kepada mereka tidak lewat dari 12hb. Ogos, 1972.

SI-TUYU

oleh: m. sallah ibrahim



Perkahwinan Diraja 31hb. Ogos, 1972

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu Istiadat Bersuroh dan menetapkan tarikh perkahwinan Diraja antara Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah ibni D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin dengan Yang Mulia Pengiran Norhayati binte Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman telah berlangsung di-Istana Darul Hana pada 27hb. Julai, 1972 iaitu hari Khamis lepas.

Istiadat tersebut telah di-saksikan oleh Yang Amat Mulia Cheteria2, Pehin2 dan Pegawai2 Istana.

Sa-telah istiadat di-Istana, satu rombongan Diraja yang di-wakilkan oleh Pengiran Muda Omar ibni Al-Ma'nuum Pengiran bendanara Anak Aodul Kaman berangkat ka-tempat kediaman Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman kerana istiadat bersuroh itu.

Ketibaan rombongan Diraja itu yang mengandungi Yang Amat Mulia Cheteria2, Pengiran2 dan Pehin2 telah di-sambut oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim selaku mewakili pekah keluarga perempuan.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah ada-lah adinda kepada D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, sementara Yang Mulia Pg. Norhayati ia-lah anak kepada Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman, Pegawai Daerah Brunei dan Muara.

Tarikh yang di-tetapkan bagi istiadat bersanding mempelai Diraja itu ia-lah Hari Khamis, 21hb. Rajab, 1392 bersamaan dengan 31hb. Ogos, 1972.

Istiadat2 sa-penoh-nya bagi perkahwinan Diraja itu ia-lah sa-perti berikut:

Hari Isnin, 11hb. Rajab, 1392 bersamaan dengan 21hb. Ogos, 1972 — mulai pukul 8.30 pagi: Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga di-Lapau.

Hari Rabu, 13hb. Rajab. = 23hb. Ogos, 1972: Mulai pukul 2.30 petang: Istiadat 'Akad Nikah di-Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

Hari Rabu, 14hb. Rajab. = 23hb. Ogos, 1972: Mulai pukul 7.30 malam: Istiadat Menghantar Tanda Diraja.

Hari Khamis, 14hb. Rajab. = 24hb. Ogos, 1972: Mulai pukul 2.30 petang: Istiadat Menghantar Pertunangan Diraja.

Hari Ahad, 18hb. Rajab. = 27hb. Ogos, 1972: Mulai pukul 7.30 malam: Istiadat Berbedak Diraja.

Hari Rabu, 21hb. Rajab. = 30hb. Ogos, 1972: Mulai pukul 7.30 malam: Istiadat Berinai Diraja.

Hari Khamis, 21hb. Rajab. = 31hb. Ogos, 1972: Pukul 2.00 petang: Istiadat Bersanding Pengantin Diraja.

Hari Sabtu, 23hb. Rajab. = 2hb. September, 1972: Pukul 2.30 petang: Istiadat Pengantin Diraja muleh dari rumah Pengantin Perempuan ka-Istana Darul Hana.

Hari Sabtu, 24hb. Rajab. = 2hb. September, 1972: Pukul 7.00 malam: Istiadat Pengantin Diraja Muleh Tiga Hari dari Istana Darul Hana. Pukul 8.30 malam: Persantapan Diraja.

Hari Ahad, 24hb. Rajab. = 3hb. September, 1972: Pukul 2.30 petang: Istiadat Membacha Dato' Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga.

Rakyat Temburong turut sama menekmati kemudahan2 sosio — ekonomi

BANGAR, TEMBURONG. — Pegawai2 Kerajaan, rakyat dan penduduk di-Daerah Temburong telah menyebarkan ikrar ta'at setia yang tidak berbelah bahagi kepada D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Mereka juga berazam untuk membuktikan dokongan2 terhadap Baginda dan Kerajaan Baginda sehingga pada masa2 yang akan datang dengan meneguhkan pendirian dan menguatkan pegangan.

Ikrar ta'at setia dan dokongan terhadap Baginda itu telah di-sembahkan oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdullah bin Haji Md. Jaafar yang mewakili pegawai2 kerajaan, rakyat dan penduduk Temburong.

Ikrar itu di-sembahkan beliau dalam upacara perbarisan kehormatan di-Padang Sekolah Melayu Sultan Hassan, Pekan Bangar bagi sambutan Hari Keputeraan Baginda di-Daerah Temburong pada pagi hari Sabtu, 29hb. Julai yang baru lalu.

Menyebarkan kegembiraan penduduk2 Daerah Temburong atas keberangkatan Baginda ka-Pekan Bangar, Awang Abdullah berdatang sembah:

"Patek2 sekalian berasa beruntung dan bertuah kerana keberangkatan Duli Tuan Patek berchemar duli ka-daerah ini ada-lah patek2 sifatkan suatu kehormatan yang gemilang".

Dalam sembah ucapan itu, Awang Abdullah juga telah mengulang kembali akan sembah Y.A.B. Pemangku Menteri Besar di-Lapau berhubung dengan kemajuan sosio-ekonomi yang juga telah di-nekmati oleh rakyat Baginda di-Daerah Temburong.

Daerah Temburong, sembah beliau, telah menekmati faedah2 ja-



Y.T.M. Seri Paduka Duli Pg. Muda Sufri Bolkiah.

Pembukaan rasmi Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah

PEKAN TUTONG. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah telah merasmikan pembukaan bangunan baru Sekolah Inggeris Tutong yang sekarang di-kenali sa-bagai Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah.

Yang Teramat Mulia itu dalam sabda ucapan-nya telah menyeru kepada semua penuntut di-sekolah itu supaya menggunakan kemudahan2 yang ada di-sekolah itu dengan baik.

Yang Teramat Mulia itu juga mengharapkan bahawa meski pun bahasa Inggeris di-ajarkan di-sekolah itu tetapi bahasa Melayu jangan-lah di-lupakan kerana bahasa Melayu ada-lah bahasa rasmi negeri ini.

Terdahulu dari itu, Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Dato Paduka Othman bin Pengiran Anak Mohammed Salleh dalam ucapan-nya telah menyeru kepada semua ibu bapa dan penjaga kanak2 supaya memberikan kerjasama mereka kepada guru2 di-sekolah itu.

Pemangku Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang A.D. Bumford dalam ucapan-nya telah menerangkan bahawa sekolah yang mempunyai murid sa-ramai 1,514 orang itu buat pertama kali-nya tahun ini akan mengambil peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah telah di-sembahkan hadiah chendera mata sa-lepas upacara pembukaan rasmi itu.

Sa-lepas itu Yang Teramat Mulia itu telah di-bawa menyaksikan pameran hasil kerja murid2 di-sekolah itu.

Di-antara yang hadir di-upacara itu ia-lah Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Matnoor MacAfee, pegawai2 kanan kerajaan dan jemputan2 khas.

Titah D. Y. M. M. di-Tutong

(Dari muka 1)

dan lebih bahagia lagi serta bersesuaian dengan chara hidup yang di-redhai oleh Allah.

Baginda saterus-nya menjelaskan bahawa Baginda dan Kerajaan Baginda akan terus berusaha pada memajukan lagi semua daerah dalam berjenis2 lapangan.

"Sa-bagai syarat yang utama untuk membolehkan usaha2 ka-araf yang di-hajati supaya dapat di-pesatkan lagi, sangat-lah mustahak supaya semua rakyat dan penduduk akan terus memberikan kerjasama yang penoh kepada Kerajaan Beta dalam usaha2-nya untuk memperkukuhkan lagi keselamatan dan keamanan negeri", titah Baginda.

Akhir-nya Baginda mengucapkan banyak2 terima kasih kepada semua yang berkenaan atas penat lelah mereka pada mengadakan sambutan yang meriah sempena Hari Keputeraan Baginda itu.

Beberapa kemudahan untuk rakyat telah di-laksanakan

(dari muka 1)

changan2 perkemungkinan di-daerah itu sama ada yang telah, sedang dan akan di-laksanakan.

Beliau menyebarkan tentang rancangan2 pembangunan yang telah selesai seperti rumah sakit, balai polis dan rumah2 pegawai dan kakitangan Kerajaan.

Dalam jurusan pendidikan pula, beliau menyebarkan bahawa dalam tahun 1972 ini di-Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim telah di-adakan Pelajaran Tingkatan Menengah Atas yang bermula dari tingkatan IV dan demikian juga Sekolah Inggeris Tutong (sekarang Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah) akan memulakan peperiksaan LCE dalam tahun ini. Mengenai dengan pelajaran

Ugama Islam, beliau menyebarkan bahawa lapangan itu tidak hanya di-salurkan kepada penuntut2 sekolah, tetapi juga kepada pelajar2 dewasa.

Beberapa kemudahan juga, sembah beliau, telah dapat di-sempurnakan seperti jalan2 kecil untuk perhubungan dari kawasan pedalaman ka-bandar; talipon sedang dalam perlaksanaan pemodenan; dan, perbejalan letrik telah di-perluaskan.

Pantai Seri Kenangan bagi kegunaan penduduk2 Daerah Tutong mengadakan TAMU pada tiap2 hari Ahad dan sa-bagai tempat perkelahan telah selesai pembenaan-nya.

Pengiran Dato Paduka Othman

menyebarkan bahawa pantai tersebut telah menarik perhatian pelancong2 dan merupakan tempat yang menjadi kebanggaan penduduk2 Tutong.

Beliau juga menyebarkan bahawa persatuan2 telah tumbuh dengan pesat-nya di-daerah itu yang masing2 melancarkan projek sa-chara berasingan demi meningkatkan taraf kehidupan masyarakat sa-bagaimana yang telah di-usahakan dan di-galakkan oleh Kerajaan Baginda.

Terdahulu dari itu, beliau men-sifatkan keberangkatan Baginda ka-daerah itu merupakan satu peristiwa yang merapatkan lagi kasih sayang penduduk2 Daerah Tutong terhadap Baginda.